



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PEMAHAMAN AMALAN BERTINGKAH LAKU MORAL DALAM  
KALANGAN MURID MELAYU TINGKATAN EMPAT DI PUTRAJAYA,  
MALAYSIA***

**MAIZURA YASIN**

**FPP 2015 34**



**PEMAHAMAN AMALAN BERTINGKAH LAKU MORAL DALAM  
KALANGAN MURID MELAYU TINGKATAN EMPAT DI PUTRAJAYA,  
MALAYSIA**

Oleh

**MAIZURA YASIN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2015**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang dinyatakan daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

### **DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PEYAYANG**

#### **SELAWAT DAN SALAM BUAT RASUL JUNJUNGAN MULIA**

Buat suamiku yang tersayang, Khairul Azman Bin Mahyuddin, yang setiap saat mendoakan kejayaan untuk diriku. Pengorbanan, kesabaran, keperihatinanmu menjadi sumber motivasi buat diriku. Semoga kejayaan kita ini menjadi sumber inspirasi untuk dirimu dan anak-anak kita (Muhammad Shah Fadhil, Muhammad Shah Nizar, Aishah Fadhilah dan Aishah Faridah).

Kepada ibunda tercinta, Mek Teh Binti Ali dan Ayahanda yang dikasihi, Yasin Bin Abu Bakar. Jasa ayahanda dan ibunda yang melahirkan, membesarkan dan mendidik diri ini bersama abang dan adik-beradik yang dicintai (Ahmad Shah, Ahmad Rizuan, Nor Hafizah dan Muhammad Ayub) yang tidak pernah putus mendoakan kejayaan dan kebahagiaan untuk diri ini sekeluarga.

Pengorbanan kalian amat besar untuk ku yang tidak mampu balas. Begitu juga dengan jasa kedua ibu mertuaku yang memahami perjalanan kerjayaku dan banyak membantu ketika sepanjang pengajian ini. Tidak lupa juga untuk keluarga angkatku iaitu Profesor. Dr. Shamsuddin dan Puan Fadillah secara tidak langsung telah memberi inspirasi kepada diri ini.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PEMAHAMAN AMALAN BERTINGKAH LAKU MORAL DALAM  
KALANGAN MURID MELAYU TINGKATAN EMPAT DI PUTRAJAYA,  
MALAYSIA**

Oleh

**MAIZURA BINTI YASIN**

**November 2015**

**Pengerusi : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami amalan bertingkah laku moral murid Melayu Tingkatan Empat di sebuah sekolah di Putrajaya menerusi tiga persoalan kajian, iaitu: Apakah pemahaman murid Melayu tentang amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian mereka?; Bagaimanakah murid Melayu membentuk amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian?; dan Mengapakah murid Melayu mengamalkan amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian?. Penyelidikan ini menggunakan dua teori asas, iaitu, teori falsafah moral (al-Ghazali, 1898; Bentham, 1907; Nietzsche, 1889; Kant, 1979; Sartre, 1943) dan teori perkembangan moral dan pendidikan moral (Kohlberg, 1976; Sugarman, 197; Durkheim, 1961; Bandura, 1977). Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk penyelidikan kajian kes kualitatif iaitu satu kes satu tempat dengan melibatkan lapan orang murid Melayu Tingkatan Empat sebagai peserta kajian. Teknik persampelan bertujuan digunakan berserta beberapa kriteria tertentu dalam pemilihan sampel kajian ini. Teknik pengumpulan data dalam kajian ini merangkumi temu bual semi berstruktur secara mendalam, pemerhatian tanpa turut serta dan analisis dokumen. Pengkaji menggunakan perisian ATLAS.ti 7 untuk menguruskan data serta memudahkan pengkaji menganalisis data secara manual. Kesahan dan kebolehpercayaan juga diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Kajian ini menunjukkan bahawa pemahaman amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu ini sebagai pengamalan nilai murni yang berkonsep, berprinsip dan bersituasi dengan pengamalan nilai peribadi dan nilai dalam institusi berkaitan kesejahteraan diri, masyarakat dan negara. Dapatan kajian ini juga memberikan gambaran bahawa murid Melayu membentuk amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan mereka dengan kehadiran dua tema utama iaitu pemudahcara dan bentuk interaksi. Bagi tema pemudahcara, terdapat empat pemudahcara yang berfungsi iaitu diri, agama, persekitaran sosial berbentuk kemanusiaan dan persekitaran berbentuk bukan kemanusiaan. Manakala, tema bentuk interaksi terdiri daripada sub tema komunikasi moral, naratif moral, *role model*, peneguhan, penerapan dan refleksi dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa wujudnya

pelbagai motif yang terdiri daripada psikologi, agama, instrumental, intrinsik, hubungan sosial dan memenuhi ideal dalam kalangan murid Melayu yang menyebabkan mereka mengamalkan amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian. Secara keseluruhannya, murid Melayu yang mempraktikkan amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian ini mempunyai standard pemahaman yang tertentu, pelbagai, bersyarat, kompleks dan unik yang perlu diberi perhatian. Oleh yang demikian, usaha memperkasakan amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu boleh dimantapkan dengan memberi penekanan terhadap pemahaman, pembentukan dan motif bertingkah laku moral dalam pendidikan secara formal dan tidak formal dalam kehidupan seharian mereka.



Abstract of thesis to the senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**UNDERSTANDING ON THE PRACTICE OF MORAL BEHAVIOR AMONG  
FORM FOUR MALAY STUDENTS IN PUTRAJAYA, MALAYSIA**

By

**MAIZURA BINTI YASIN**

**November 2015**

**Chairman : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

This study aims to explore and understand the moral behaviors of Form Four Malay students at a school in Putrajaya through three research questions, which are: What is the understanding of Malay students about the behaving morally in their daily lives?; How do Malay students shape their moral behaviors in everyday life ?; and Why do Malay students behave morally in everyday life?. This research uses two foundational theories, which, the theory of moral philosophy (al-Ghazali, 1898; Bentham, 1907; Nietzsche, 1889; Kant, 1979; Sartre, 1943) and the theory of moral development and moral education (Kohlberg, 1976; Sugarman, 197; Durkheim, 1961; Bandura, 1977). This study applies the qualitative research design in the form of a case study involving eight students of Form Four Malay as study participants. Purposeful sampling technique was used along with certain criteria in the selection of the sample of this study. Data collection techniques in this study include semi-structured interviews in depth, observation and document analysis. The researcher used ATLAS.ti.7 software to manage and analyses the data manually. Validity and reliability are also applied in this research. This study discovered that the Malay students understand moral behavior as practicing the concept of moral values, principles and situations with personal and institutional values related to the well-being of self, community and country. This study illustrates that Malay students shape their moral behavior in their lives with the presence of two themes, namely, facilitation and form of interaction. For the theme facilitation, there are four elements of facilitation that shape their moral behaviors, which are self, religion, humanistic social environment and non-humanistic social environment. Meanwhile, in the theme forms of interaction, the sub themes are moral communication, moral narrative, role model, reinforcement, implementation and reflection in their daily lives. In addition, this study shows that there are various motives ranging from psychology, religion, instrumental, intrinsic, social relations and to meet the ideal perception among Malay students which account for their moral behaviors in everyday life. Overall, the Malay students who practice moral behaviors in daily life have a certain understanding of standard, diversified, contingent, complex and

unique morals that should be given close attention. Therefore, efforts to strengthen the moral behaviors among Malay students could be strengthened with particular emphasis on understanding the formation and motives in their moral behaviors in formal and informal educational settings in their daily lives.





## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Segala puji-pujian hanya bagi Allah tuhan sekalian alam. Selawat serta salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) yang telah menunjukkan teladan untuk kita supaya sentiasa melalui jalan yang lurus. Alhamdulillah, setinggi-tinggi bersyukur saya kehadiran Allah dengan hidayah dan inayah-Nya dapat saya menyiapkan kajian dan tesis ini. Semoga Allah sentiasa mengurniakan taufik dan hidayahnya kepada saya untuk menuntut ilmu, khususnya dalam bidang penyelidikan dan penulisan.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya terutamanya Dr. Nur Surayyah Madhubala Abdullah, Prof Madya Dr. Samsilah Roslan dan Dr. Nor Wahiza Abd. Wahat yang telah banyak membimbing, membantu, memberi sumbangsaran pandangan dan cadangan serta mendorong tanpa jemu sehingga terhasilnya tesis ini. Sesungguhnya segala jasa dan kerjasama yang anda semua berikan tidak ternilai harganya untuk di balas. Semoga Allah sentiasa mengurniakan taufik hidayah dan rahmatnya buat anda semua.

Rakaman sekalung penghargaan kepada ketiga-tiga orang pemeriksaan yang menilai tesis ini iaitu Prof. Dr Turiman Suandi. Prof. Dr. Chang Lee Hoon dan Prof. Madya Dr. Habsah Ismail yang telah memberi komen dalam membantu meningkatkan mutu penulisan tesis ini. Segala pengkongsiaan ilmu yang dicurahkan dan tunjuk ajar sangat dihargai dan tidak ternilai harganya.

Penghargaan juga saya tujukan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, pihak sekolah dan semua peserta kajian yang terlibat dalam penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan dan semua pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan UPM di atas segala didikan yang telah diberikan serta mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam membantu saya mendapatkan maklumat seterusnya menghasilkan tesis ini. Akhir kata dari saya, segala jasa baik anda semua tidak akan dilupakan. Semoga Allah terus memberi keimanan, ketakwaan, kerahmatan, keberkatan dan keredaan dalam hidup kita semua.

Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 27 November 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Maizura Yasin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pemahaman Amalan Bertingkah Laku Moral dalam Kalangan Murid Melayu Tingkatan Empat di Putrajaya, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Rosnaini binti Mahmud, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Habsah binti Ismail, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Turiman bin Suandi, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Chang Lee Hoon, PhD**

Profesor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 April 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis adalah seperti berikut:

**Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Samsilah Roslan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Nor Nor Wahiza Abd. Wahat, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa

- x tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- x setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- x tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- x hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- x kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- x tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Maizura Binti Yasin, GS32688

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- x penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- x tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi \_\_\_\_\_  
Jawatankuasa \_\_\_\_\_  
Penyeliaan : Dr. Nur Surayyah Madhubala Abdullah

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli \_\_\_\_\_  
Jawatankuasa \_\_\_\_\_  
Penyeliaan : Prof. Madya Dr.Samsilah Roslan

Tandatangan \_\_\_\_\_  
Nama Ahli \_\_\_\_\_  
Jawatankuasa \_\_\_\_\_  
Penyeliaan : Dr .Nor Wahiza Abd.Wahat

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	xiv
<b>SENARAI JADUL</b>	xiv
<b>SENARAI GAMBAR RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Latar Belakang Masalah Kajian	2
1.4 Pernyataan Masalah Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Batasan Kajian	10
1.9 Definisi Istilah	10
1.9.1 Pemahaman	10
1.9.2 Amalan	10
1.9.3 Tingkah Laku Moral	11
1.9.4 Amalan Bertingkah Laku Moral	11
1.9.5 Murid Melayu	11
1.10 Rumusan Bab	12
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	<b>13</b>
2.1 Pengenalan	13
2.2 Perspektif Bertingkah Laku Moral	13
2.2.1 Perspektif tentang Moraliti	13
2.2.2 Perspektif Kepercayaan dan Agama	16
2.2.3 Perspektif Polisi Negara	19
2.2.4 Perspektif Pendidikan	21
2.2.5 Rumusan Perspektif Bertingkah Laku Moral	25
2.3 Kajian-Kajian Empirikal Bertingkah Laku Moral	25
2.3.1 Pemahaman Amalan Bertingkah Laku Moral	25
2.3.2 Pembentukan Amalan Bertingkah Laku Moral	28
2.3.2.1 Diri	28
2.3.2.2 Pendidikan	29
2.3.2.3 Persekitaran	31
2.3.2.4 Agama	33
2.3.2.5 Interaksi	34
2.3.3 Sebab Mengamalkan Amalan Bertingkah Laku Moral	36

2.3.4	Rumusan Kajian Emprikal	39
2.4	Teori Asas Kajian	40
2.4.1	Teori Falsafah Moral	40
2.4.1.1	Teori Etika Moral	40
2.4.1.2	Teori Etika al-Ghazali	42
2.4.2	Teori Perkembangan Moral dan Pendidikan Moral	43
2.4.2.1	Teori Permikiran Moral Kohlberg	43
2.4.2.2	Teori Perkembangan Moral Sugarman	46
2.4.2.3	Teori Perkembangan Moral Durkheim	46
2.4.2.4	Teori Pembelajaran Sosial Bandura	47
2.4.3	Rumusan Teori Asas Kajian	47
2.5	Kerangka Teoritikal Kajian	48
2.6	Rumusan Bab	50
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>51</b>
3.1	Pengenalan	51
3.2	Paradigma Kajian	51
3.3	Reka Bentuk Kajian	52
3.3.1	Rasional Pemilihan Penyelidikan Kajian Kes Kualitatif	54
3.4	Peserta Kajian	56
3.5	Prosedur Pemilihan Peserta Kajian	56
3.5.1	Kriteria Pemilihan Peserta Kajian	57
3.5.2	Penentuan Lokasi Kajian	59
3.6	Tempoh Kajian dan Fasa Pengumpulan Data	60
3.6.1	Fasa Pertama	61
3.6.2	Fasa Kedua	62
3.6.3	Fasa Ketiga	62
3.7	Instrumen dan Kaedah Pengumpulan Data	63
3.7.1	Temu Bual	63
3.7.1.1	Penyediaan Protokol Temu Bual	64
3.7.1.2	Kemahiran Menemu Bual	65
3.7.1.3	Proses Pendokumentasian Temu Bual	65
3.7.2	Pemerhatian	66
3.7.2.1	Protokol Pemerhatian	67
3.7.3	Analisis Dokumen	68
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	68
3.9	Analisis Data	69
3.9.1	Penyaringan dan Pengekodan Data	70
3.9.2	Pemaparan Data	71
3.9.3	Merumuskan Data	72
3.10	Ketepuan Data	72
3.11	Pengurusan Data	73
3.12	Kajian Rintis	73
3.13	Kesahan dan Kebolehpercayaan	74
3.13.1	Triangulasi	75
3.13.2	Penilaian Rakan	76
3.13.3	Semakan Ahli	76
3.13.4	Hubungan yang Berterusan	76
3.13.5	Jejak Audit	77
3.13.6	Penilaian Pakar	77
3.14	Pengkaji Sebagai Instrumen Kajian	79



3.15	Isu Etika Penyelidikan	79
3.16	Rumusan Bab	81
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>82</b>
4.1	Pengenalan	82
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	82
4.3	Pemahaman Amalan Bertingkah Laku Moral	83
4.3.1	Pengamalan Nilai Murni	83
4.3.2	Perilaku Berprinsip dan Bersituasi	94
	4.3.2.1 Perbuatan yang Berprinsip	94
	4.3.2.2 Perbuatan yang Bersituasi	101
4.3.3	Pengamalan Nilai Peribadi dan Nilai dalam Institusi	104
	4.3.3.1 Nilai Peribadi	104
	4.3.3.2 Nilai Dalam Institusi	108
	4.3.3.2.1 Nilai Peraturan dalam Sekolah	108
	4.3.3.2.2 Nilai dalam Norma Masyarakat	110
	4.3.3.2.3 Nilai dalam Agama Islam	113
4.3.4	Perilaku Berkaitan Kesejahteraan	116
4.3.5	Rumusan Pemahaman Amalan Bertingkah Laku Moral	119
4.4	Pembentukan Amalan Bertingkah Laku Moral	120
4.4.1	Pemudahcara	120
	4.4.1.1 Diri	120
	4.4.1.2 Agama Islam	123
	4.4.1.3 Persekitaran Sosial Berbentuk Kemanusiaan	126
	4.4.1.3.1 Ahli Keluarga	127
	4.4.1.3.2 Rakan	136
	4.4.1.3.3 Guru	139
	4.4.1.3.4 Jiran	142
	4.4.1.4 Persekitaran Sosial Bukan Kemanusiaan	143
	4.4.1.4.1 Institusi Sekolah	143
	4.4.1.4.2 Media Massa	145
4.4.2	Bentuk Interaksi Pemudahcara	146
	4.4.2.1 Komunikasi Moral	147
	4.4.2.2 Naratif Moral	151
	4.4.2.3 <i>Role Model</i>	153
	4.4.2.4 Peneguhan	155
	4.4.2.5 Penerapan	157
	4.4.2.6 Refleksi	159
4.4.3	Rumusan Pembentukan Amalan Bertingkah Laku Moral	161
4.5	Motif Bertingkah Laku Moral	162
4.5.1	Psikologi	163
	4.5.1.1 Pertimbangan Moral	163
	4.5.1.2 Desakan Perasaan	164
	4.5.1.3 Tabiat	169
	4.5.1.4 Identiti Moral	170
4.5.2	Agama	172
4.5.3	Instrumental	174
	4.5.3.1 Kepentingan Diri	175
	4.5.3.2 Kesejahteraan Diri	177
4.5.4	Intrinsik	179
4.5.5	Hubungan Sosial	181



4.5.5.1	Timbal Balik	181
4.5.5.2	Kepentingan Hubungan Bersama	183
4.5.5.3	Kebajikan Orang Lain	185
4.5.6	Memenuhi Ideal	186
4.5.7	Rumusan Motif Bertingkah Laku Moral	187
4.6	Rumusan Bab	188
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>189</b>
5.1	Pengenalan	189
5.2	Ringkasan Kajian	189
5.3	Kesimpulan Kajian	189
5.3.1	Persoalan Kajian Pertama	190
5.3.2	Persoalan Kajian Kedua	191
5.3.3	Persoalan Kajian Ketiga	192
5.3.4	Kesimpulan Keseluruhan Kajian	192
5.4	Implikasi Kajian	193
5.4.1	Implikasi Teori Kajian	193
5.4.2	Implikasi Praktis	196
5.5	Cadangan	197
5.5.1	Cadangan Kajian Lanjutan	197
5.5.2	Cadangan untuk Praktis	198
5.5.3	Cadangan kepada Pihak Berkepentingan	199
5.6	Rumusan Bab	201
	<b>RUJUKAN</b>	<b>202</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>226</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>284</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>285</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Peringkat Perkembangan Pemikiran Moral Oleh Kohlberg	44
3.1 Kriteria Pemilihan Peserta Kajian	58
3.2 Fasa Pengumpulan Data Kajian	61
3.3 Pengiraan Nilai Persetujuan Kappa Koefisien (K)	78
3.4 Skala Persetujuan Cohen Kappa	78
3.5 Isu dan Persoalan Berkaitan Etika Penyelidikan Kajian Kualitatif & Penyelesaian Alternatif Pengkaji	80

## SENARAI GAMBAR RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Kerangka Teoritikal Kajian	49
4.1 Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian Pertama	280
4.2 Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian Kedua	281
4.3 Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian Ketiga	282
5.1 Model Amalan Bertingkah Laku Moral	283

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
1a	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian EPRD	226
1b	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian JPWPP	227
2a	Surat Persetujuan Peserta Kajian	228
2b	Surat Kebenaran Ibu Bapa Kepada Peserta Kajian	230
2c	Kronologi Pengumpulan Data	232
2d	Protokol Temu Bual Peserta Kajian	235
2e	Protokol Pemerhatian	237
2f	Dokumen yang Diteliti	238
2g	Penulisan Jurnal ( <i>self report</i> )	239
2h	Penggunaan Kod dalam Kajian ini	240
2i	Semakan Ahli	247
2j	Jejak Audit	249
2k	Maklumat Pakar 1	253
2l	Maklumat Pakar 2	254
2m	Maklumat Pakar 3	255
2n	Contoh Nilai Pekali Persetujuan Cohen Kappa	256
3a	Latar Belakang Peserta Kajian Pertama	269
3b	Latar Belakang Peserta Kajian Kedua	271
3c	Latar Belakang Peserta Kajian Ketiga	272
3d	Latar Belakang Peserta Kajian Keempat	273
3e	Latar Belakang Peserta Kajian Kelima	274
3f	Latar Belakang Peserta Kajian Keenam	275
3g	Latar Belakang Peserta Kajian Ketujuh	276
3h	Latar Belakang Peserta Kajian Kelapan	277
3i	Jadual Butiran dan Peribadi Peserta Kajian	278
3j	Rajah Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian Pertama	280
3k	Rajah Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian Kedua	281
3l	Rajah Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian Ketiga	282
4a	Model Amalan Bertingkah Laku Moral	283

## SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JWPP	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
SK	Peserta Kajian
GSK	Guru kepada Peserta Kajian
IBSK	Ibubapa kepada Peserta Kajian
RSK	Rakan kepada Peserta Kajian

%%

3(1\$8/8\$

3HQJHQDODQ

Bab ini mengupas tentang latar belakang kajian, latar belakang masalah kajian dan pernyataan masalah berkaitan fenomena amalan bertingkah laku moral dalam usaha merealisasikan hasrat negara untuk melahirkan generasi yang mengamalkan tingkah laku secara bermoral dalam kehidupan seharian. Amalan bertingkah laku moral mempunyai pelbagai pemahaman yang boleh dilihat daripada perspektif aspek moraliti, agama, polisi kerajaan dan pendidikan. Namun, setakat ini pemahaman berkaitan fenomena amalan bertingkah laku moral khususnya dalam kalangan murid Melayu masih kurang jelas dan belum diterokai sepenuhnya dalam kajian-kajian lepas. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka dan memahami amalan bertingkah laku moral dengan menekankan tiga persoalan kajian yang melibatkan apa, bagaimana dan mengapa bagi memahami fenomena ini. Dalam bab ini juga dibincangkan kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian dan diakhiri dengan perbincangan berkaitan definisi konseptual dan operasional yang digunakan dalam kajian ini.

/DWDU%HODNDQJ.DMLDQ

Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam merupakan salah satu cabang daripada Pendidikan Nilai yang diajar secara formal di sekolah bagi membina kefahaman tentang nilai-nilai murni, moral dan akhlak dalam membentuk amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid di dalam kehidupan seharian. Seterusnya, pengajaran kedua-dua mata pelajaran ini juga dilihat dapat melahirkan murid yang bermoral terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, agama, negara dan juga di dalam alam pekerjaan masing-masing. Hal ini demikian kerana masyarakat turut mengakui bahawa amalan bertingkah laku moral ini merupakan nadi utama untuk menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan negara.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran wajib yang perlu dipelajari oleh murid Melayu yang beragama Islam. Manakala, Pendidikan Moral disediakan bagi memenuhi keperluan murid bukan Muslim. Kedua-dua mata pelajaran tersebut merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh mereka secara formal selain mata pelajaran teras yang lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains serta Sivik dan Kewarganegaraan. Selain daripada pengajaran Pendidikan Nilai secara formal dalam kalangan murid Melayu dan bukan Muslim, murid-murid turut diterapkan nilai murni yang merentasi kurikulum sama ada secara tersembunyi dalam mata pelajaran teras dan elektif yang lain dan secara tidak formal dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Terdapat 17 nilai murni merentasi kurikulum yang diterapkan di sekolah iaitu baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal

dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, semangat bermasyarakat dan patriotisme (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005).

Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, terdapat lima bahagian utama yang diajar kepada murid Melayu iaitu aqidah, akhlak, fekah, sirah dan tasawur. Bahagian akhlak dalam Pendidikan Islam merupakan topik yang berperanan memberi kefahaman kepada murid Melayu tentang akhlak-akhlak yang baik mendidik supaya mengaplikasikan amalan bertingkah laku moral dan berakhlak dengan mematuhi syariat Islam dalam kehidupan seharian. Pada peringkat sekolah menengah atas, sebanyak empat waktu yang diperuntukan bagi murid Melayu sekolah dalam seminggu untuk mempelajari Pendidikan Islam. Satu waktu daripada jumlah masa mengajar ini dikhususkan untuk mengajar waktu amali solat. Sementara itu, Pendidikan Moral diajar kepada murid bukan Muslim dengan bertujuan memberi kefahaman tentang nilai-nilai moral yang patut dimiliki dan diamalkan dalam kehidupan seharian dengan mempelajari pelbagai bidang pembelajaran seperti nilai berkaitan dengan perkembangan diri, kekeluargaan, alam sekitar, patriotisme dan hak asasi manusia untuk memperkembangkan pemikiran moral, emosi moral dan tingkah laku moral mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Jumlah waktu yang diperuntukan bagi murid bukan Muslim mempelajari Pendidikan Moral adalah sebanyak tiga waktu dalam seminggu.

Selanjutnya, pengajaran Pendidikan Nilai ini dilihat amat penting untuk dilaksanakan. Hal ini demikian kerana salah satu objektif Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Kurikulum Berasaskan Sekolah Menengah (KBSM) adalah untuk mengembangkan amalan bertingkah laku moral dan berakhlak dalam kehidupan seharian murid Melayu dan bukan Muslim. Dalam kurikulum Pendidikan Moral (2004), amalan bertingkah laku moral diperihalkan sebagai perilaku yang mengamalkan nilai murni terhadap diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara.

Selain itu, Kurikulum Pendidikan Islam (2000) menakrifkan amalan bertingkah laku moral sebagai tingkah laku yang mengamalkan akhlak mulia, sifat-sifat yang terpuji dan menghindari sifat-sifat tercela terhadap perhubungan dengan Allah s.w.t, diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, usaha membina kefahaman dan membentuk amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid di sekolah sama ada Melayu dan bukan Muslim diberikan secara formal namun dalam mata pelajaran yang berbeza dan secara tidak formal dalam kurikulum tersembunyi menerusi nilai-nilai murni merentasi kurikulum serta dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu ini merujuk kepada perilaku yang baik dan patut yang dilakukan berdasarkan Pendidikan Nilai yang diperolehi secara formal dan tidak formal yang diperolehi di sekolah mahupun pengalaman bersama keluarga dan masyarakat di sekeliling.

/DWDU%HODNDQJ0DVODK.DMLDQ

Secara umumnya, kebanyakan negara di dunia berusaha secara signifikan untuk membentuk dan melahirkan masyarakat yang bermoral dan berakhlak tinggi. Malaysia merupakan antara negara yang turut sama memberikan tumpuan khusus terhadap usaha

merealisasikan pembentukan masyarakat madani. Namun, usaha untuk mencapai hasrat tersebut bukanlah suatu matlamat yang baharu tetapi telah disasarkan sejak dari awal lagi. Ini dapat dilihat apabila pembentukan masyarakat yang bermoral dijadikan antara salah satu prinsip asas dalam Rukun Negara. Hal ini dapat diteliti melalui prinsip Rukun Negara yang kelima, iaitu rakyat Malaysia dikehendaki mengamalkan prinsip kesopanan dan kesusilaan dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung, pembentukan masyarakat yang mengamalkan amalan bertingkah laku moral menjadi antara matlamat negara yang penting khususnya melalui dimensi pendidikan. Ini kerana Rukun Negara merupakan ideologi kebangsaan yang menjadi intipati asas kepada pembentukan polisi pendidikan negara (Chang, 2008).

Selain itu, usaha mencorakkan masyarakat bermoral dan berakhlak tinggi ini juga dizahirkan sebagai matlamat dan agenda negara menerusi pembinaan negara ke arah Wawasan 2020. Salah satu daripada matlamat yang ingin dicapai dalam agenda Wawasan 2020 adalah untuk melahirkan generasi masyarakat yang bermoral dan beretika sepenuhnya serta mempunyai warganegara yang kukuh dalam nilai, agama dan jiwa dan didorong oleh tahap etika paling tinggi untuk menjamin dan kestabilan negara (Mahathir, 1991). Penetapan matlamat ini telah menjadi negara Malaysia dilihat sebagai salah satu daripada negara yang meletakkan soal pembentukan dan pengalihan masyarakat yang bermoral dan berakhlak ini sebagai antara matlamat terpenting untuk memperkukuhkan pembangunan negara pada masa akan datang.

Seterusnya, pembentukan dan pengalihan masyarakat yang bertingkah laku moral dan berakhlak ini secara dasarnya bermula dari pendidikan pra-sekolah sehingga ke peringkat pendidikan tinggi dalam bidang pendidikan. Hal ini amat penting dilaksanakan bagi memastikan wujudnya keselarian dan kesejajaran usaha pembentukan moral dan akhlak dalam kalangan murid pada semua peringkat pendidikan di Malaysia. Jelas bahawa pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang diutarakan bagi memastikan bidang pendidikan mempunyai satu matlamat dasar serta rujukan utama yang perlu difahami dan diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan yang bersungguh-sungguh. Dengan terzahirnya FPK, tidak dapat dinafikan bahawa matlamat pendidikan negara cenderung untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan berakhlak seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia, adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakupan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

(Tajul Ariffin dan Nor Aini, 2002. m.s 33)



Pernyataan FPK, jelas menunjukkan bahawa matlamat pendidikan negara pada asasnya memberi penekanan terhadap pengalihan individu yang baik, bermoral dan berakhlak tinggi. Melalui pengalihan individu yang baik, secara tidak langsung akan terbentuknya satu bentuk masyarakat yang baik, bermoral dan berakhlak tinggi. Oleh itu, perlulah difahami bahawa penekanan terhadap amalan bertingkah laku moral dan berakhlak ini bukan hanya bertujuan mencapai kesejahteraan diri sendiri semata-mata, akan tetapi dapat dimanfaatkan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Langkah memperkukuhkan usaha melahirkan masyarakat bermoral dan berakhlak dalam sistem pendidikan negara terus dimantapkan dengan adanya usaha oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengubal menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM, 2012). Antara sasaran PPPM adalah untuk melahirkan murid-murid yang mempunyai keberanian melakukan dan mengamalkan sesuatu yang betul. Bagi memenuhi aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), semua murid perlu diberi pendidikan yang lengkap dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan amalan bertingkah laku moral bagi memastikan murid dapat mengaplikasikannya dalam alam kerjaya, seterusnya, dalam keseluruhan kehidupan seharian masing-masing.

Selain daripada pendidikan, sosiobudaya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia juga mementingkan nilai-nilai murni, moral dan berakhlak. Dalam sosiobudaya masyarakat Melayu nilai berkaitan budi serta akal sangat ditekankan (Che Su & Rasilah, 2005). Hal ini dapat difahami bahawa nilai hubungan masyarakat dan budaya seperti cara hidup serta adat istiadat amat dititikberatkan oleh ahli masyarakat Melayu. Pemikiran Melayu berkaitan nilai, hukum adat yang mencakupi peraturan hidup sehari-hari yang merupakan gagasan kebudayaan yang terdiri daripada nilai-nilai kebudayaan norma, kebiasaan dan hukum adat yang lazim dilakukan oleh sesuatu masyarakat. Nilai-nilai moraliti dalam sosiobudaya masyarakat Melayu berasaskan kepada adat resam dan pengaruh nilai Islam yang diterima oleh masyarakat Melayu. Nilai moraliti dalam kekeluargaan dan kemasyarakatan amat ditekankan seperti nilai hormat-menghormati, berkerjasama dan tolong-menolong satu sama lain. Tangney, Stuewing dan Mashek (2007) menjelaskan bahawa tingkah laku moral yang diamalkan adalah mewakili kefahaman tentang pengetahuan moral dan penghayatan norma moral dalam masyarakat. Dengan mempraktikkan amalan bertingkah laku moral mengikut kehendak norma sesuatu masyarakat. Amalan bertingkah laku moral tersebut melambangkan kerjayaan sesuatu masyarakat membentuk ahli dalam komuniti (Hall & Brosnan, 2016).

Penekanan terhadap insan yang bermoral dan mempunyai akhlak yang mulia bukanlah hanya boleh dibentuk melalui konteks sosial dan budaya semata-mata. Hal ini kerana matlamat tersebut sudah terkandung dalam agama dan kepercayaan lain di dunia. Perkara ini turut ditegaskan oleh Harris (2010) yang menyatakan bahawa semua agama mengandungi nilai moral berdasarkan ajaran agama masing-masing untuk kesejahteraan penganutnya. Dalam konteks agama Islam, pengajaran nilai adalah untuk mendidik dan menganjurkan keseluruhan penganutnya melakukan kebaikan dan kebajikan serta menjauhi kejahatan dan keburukan dalam setiap tindakan (Haron, 2003). Harris (2010) menjelaskan bahawa amalan bertingkah laku moral berkaitan dengan nilai baik dan betul semuanya bergantung kepada pengalaman yang dilalui oleh individu berkaitan dengan nilai.

Namun begitu, usaha untuk melahirkan masyarakat yang bermoral ini semakin mencabar lantaran wujudnya pelbagai isu serta masalah yang berkaitan dengan bertingkah laku moral khususnya dalam konteks pendidikan. Senario pada masa kini, telah menunjukkan bahawa kes-kes berkaitan dengan masalah bertingkah laku moral semakin meningkat dengan adanya penglibatan remaja tanpa mengira kaum dan bangsa yang masih berada di bangku sekolah. Gambaran semasa menunjukkan bahawa murid Melayu dan bukan Melayu segelintir mereka terlibat dengan simptom masalah bertingkah laku moral seperti masalah disiplin (Muhyiddin, 2012; Lee, 2011; Azizah, 2002), aktiviti jenayah, termasuk penyalahgunaan dadah, perjudian dan gejala sosial (Lee, 2015 & 2011) dan permasalahan seksual (Institut Pembangunan Belia Malaysia (2010). Walau bagaimanapun, peratusan penglibatan murid Melayu dalam masalah bertingkah laku moral lebih tinggi berbanding dengan kaum lain terutamanya bagi kes mengandung anak luar nikah (Khadijah, Salina, Fauziah, Noremy, Mohd Suhaimi & Noorhasliza, 2012); dan lumba haram (Mohd Mursyid, 2010). Tan (2001) menjelaskan bahawa masalah disiplin dan keruntuhan akhlak boleh dianggap sebagai pelakuan yang tidak bermoral kerana terbentuknya pelanggaran dalam norma-norma yang dipegang oleh masyarakat.

Meskipun, murid Melayu dan bukan Muslim telah mempelajari Pendidikan Nilai (Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral) di sekolah secara formal dan tidak formal bagi membina kefahaman dan membentuk amalan bertingkah laku moral. Namun, paparan kes-kes di atas memberikan gambaran bahawa penglibatan murid Melayu dan kaum lain dalam simptom masalah bertingkah laku moral di sekolah dan di luar sekolah. Menurut Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mathahir Mohamed (2001) mengaitkan senario murid sekolah sebagai “Moral sekarang ini sudah runtuh banyak. Tidak begitu baik seperti dulu.” Hal ini diperkukuhkan oleh pandangan Sidek (2001) yang menjelaskan bahawa senario amalan akhlak dan nilai yang dilaporkan dalam masyarakat Malaysia menampakkan jurang ketidaklangsungan antara harapan, peranan dan keupayaan kita dalam melahirkan generasi yang bertanggungjawab dan bermoral tinggi.

Justeru, situasi ini dilihat terjadi disebabkan kurikulum agama Islam yang diajar tidak memberi penekanan yang cukup mengenai nilai-nilai murni serta penguatkuasaan undang-undang oleh kerajaan hanya bertindak sebagai faktor luaran sedangkan hasilnya bergantung kepada faktor dalaman yang datang daripada setiap individu itu sendiri (Mathahir, 2001). Manakala, Adreas (2007) pula mengaitkan bahawa kegagalan seseorang untuk bertingkah laku moral disebabkan mereka tidak mempunyai pemahaman yang jelas dan tidak dapat membuat pertimbangan mengapa mereka perlu melakukan amalan bertingkah laku moral. Bagi meneroka amalan bertingkah laku moral, pemahaman dan alasan yang digunakan oleh individu untuk bertingkah laku moral perlu ditekankan kerana ianya sebagai matlamat asas dan cara individu menentukannya (Blasi, 2004).

Tingkah laku moral adalah satu fenomena yang sangat kompleks dan tidak melibatkan satu pemboleh ubah sahaja, tetapi ia mewakili psikologi moral yang menyeluruh (Rest, 1986). Tangney, Stuewing dan Mashek (2007) menegaskan bahawa tingkah laku moral yang diamalkan adalah mewakili kefahaman tentang pengetahuan moral dan penghayatan norma moral dalam masyarakat. Rentetan daripada itu, jelas menunjukkan

keperluan untuk meneroka berkaitan dengan fenomena amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu.

### 3HUQDWDDQ0DVDODK

Murid Melayu memperolehi kefahaman amalan bertingkah laku moral menerusi pengalaman mereka mendapat Pendidikan Nilai di sekolah secara formal dan tidak formal, ajaran agama, pengalaman bersama keluarga dan sosiobudaya masyarakat Melayu. Namun, senario semasa memberi gambaran bahawa ada sebahagian kecil murid Melayu yang mempunyai masalah bertingkah laku moral dan sebahagian besarnya tidak terlibat dalam masalah bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian. Maka, timbul persoalan yang mendasar iaitu apakah murid Melayu mempunyai pemahaman tertentu dalam mengamalkan amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian mereka? Persoalan tersebut timbul rentetan daripada pernyataan Hall dan Brosnan (2016) yang menegaskan bahawa untuk memahami tentang bertingkah laku moral, pengkaji perlu belajar memahami tentang bertingkah laku moral yang diamalkan dalam sesuatu kumpulan kaum. Hal ini kerana kefahaman yang ada dalam diri seseorang yang menjadi penentu kepada tingkah laku seseorang (Adreas, 2007).

Graham, Meihdl, Beall, Johnson dan Zhang (2016) menjelaskan bahawa kajian tentang amalan bertingkah laku moral yang melibatkan sosiobudaya sesuatu kaum adalah penting dijalankan bagi mendapat memahami dan mendapat gambaran tentang moraliti dalam konteks kaum tersebut. Berdasarkan tinjauan literatur, kebanyakan kajian lepas kurang memberikan fokus terhadap pemahaman mengenai fenomena amalan bertingkah laku moral daripada perspektif murid Melayu menerusi pengalaman sebenar dalam kehidupan seharian mereka. Kajian lepas tidak dapat memberi gambaran yang jelas dan tidak menyeluruh bagi mewakili pemahaman fenomena amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu. Selain itu, kajian lepas hanya melihat orientasi moral (Sakhilah, 2007 & Ma, 2003.), skema pemikiran akhlak (Aswati, 2007 & Mohd Zailani, 2009), tret watak (Jamaliah, 2009), perasaan dan situasi (Matarazzon, Abbamonte & Nigro, 2008), tingkah laku membantu (Carlo & Randall, 2002) dalam memahami amalan bertingkah laku moral.

Manakala, dari sudut teori pula, pelbagai pemahaman berkaitan amalan bertingkah laku moral dibentuk mengikut konteks teori falsafah moral. Pemahaman amalan bertingkah laku moral bagi teori falsafah moral Barat memperihalkan sebagai perilaku yang melihat nilai baik, betul atau salah bergantung kepada kesan sesuatu perbuatan (Betham, 1907; Nietzsche, 1887), sementara itu, bagi Kant (1797) dan Sarte (1943) memperihalkan perlakuan yang melihat kepada pelaksanaan sesuatu tingkah laku tersebut. Bagi teori falsafah moral al-Ghazali (1898), beliau menyatakan bahawa pemahaman amalan bertingkah laku moral sebagai perilaku yang mengamalkan sikap *mahudah* bagi (sikap-sikap yang baik) dan menjauhi sikap *mazmudah* (sikap-sikap yang jahat dan buruk) dalam kehidupan seharian dengan mengambil kira pelaksanaan dan kesan tingkah laku tersebut berdasarkan syariat Islam dan juga norma masyarakat yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Hal ini menunjukkan bahawa amalan bertingkah laku moral dalam kajian lepas kurang jelas memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang pemahaman amalan bertingkah laku murid Melayu dari perspektif pengalaman sebenar mereka dalam kehidupan. Selain itu, dapatan kajian lepas hanya terbatas berdasarkan penyelidikan kuantitatif sahaja. Hal ini menunjukkan masih terdapat jurang yang perlu diisi untuk mendapatkan pemahaman tentang fenomena amalan bertingkah laku moral secara menyeluruh dalam kalangan murid Melayu. Di samping itu, pemahaman amalan bertingkah laku moral yang pelbagai dalam teori falsafah moral masih tidak dapat memberikan gambaran sejauhmana pemahaman tersebut berpadanan dengan pemahaman sebenar murid Melayu dalam kajian ini.

Sementara itu, kajian lepas memberi gambaran terdapat pelbagai perkara yang menyumbang kepada penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan murid sekolah (Muhamad Khairi, 2013 & Norlela, 2008); penerapan nilai murni merentasi kurikulum dalam kalangan guru (Muhamad Khairi, 2013; Nik Zaharah, 2007; Wan Hasmah, 2004; Robiah 2001; Kementerian Pendidikan Malaysia 1999); serta melihat keberkesanan Pendidikan Nilai secara formal seperti Pancasila sebagai usaha membentuk tingkah laku moral dalam diri murid (Teuku Ramli, 1997); Pendidikan Islam khususnya akhlak (Baharom, Ali & Za'ba Helmi, 2008; Sarimah, Mohd Kashfi, Ab. Halim & Kamarulzaman, 2011); Pendidikan Moral (Baharom, Ali & Za'ba Helmi, 2008) Pendidikan Karakter (Davidson, Lickona & Khwelkov, 2008; Lukman, Mahani, Zainudin & Siti Zakiah, 2015). Tambahan pula, kajian-kajian lepas lebih cenderung menggunakan kaedah kuantitatif yang bertujuan mengenalpasti secara spesifik dari segi tahap hubungan, menentukan hubungan dan peramal (Muhammad Khairi, 2013; Mohd Zailani, 2009; Jamaliah, 2009; Nik Zaharah, 2007; Aswati, 2008; Azhar & Abdul Halim, 2005; Robiah, 2001), memperihalkan tingkah laku yang tidak bermoral dan masalah sosial dalam kalangan murid Melayu (Azizah, 2002; Jamaliah, 2009; Mohd Musyid, 2010; Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010; Khadijah, Salina, Fauziah, Noremy, Mohd Suhaimi & Noorhasliza, 2012). Namun begitu kajian-kajian terdahulu kurang memberi tumpuan berkaitan bagaimana murid Melayu membentuk amalan bertingkah laku moral melalui pengalaman sebenar dalam kehidupan. Oleh yang demikian, perkara ini menunjukkan jurang yang ada dalam kajian lepas berkaitan dengan fenomena ini.

Selain iu, jurang dalam teori juga turut diperkatakan oleh Blasi (2004) yang menegaskan bahawa ketiadaan teori moral yang dapat menerangkan dengan lengkap bagaimana amalan bertingkah laku moral terbentuk dan mengapa mengamalkan amalan bertingkah laku moral. Dalam teori perkembangan moral dan pendidikan moral hanya menunjukkan bagaimana sepatutnya individu yang bermoral berkembang dalam mempraktikkan amalan bertingkah laku moral. Pembentukan amalan bertingkah laku moral melibatkan pelbagai perkara dan interaksi yang berlaku dalam setiap pemikiran moral mereka (Kohlberg, 1955); berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh individu dan interaksi dalam persekitaran dalam kehidupannya (Bandura, 1977); peranan sekolah dan pendidikan tidak formal (Sugarman, 1973 & Durkheim, 1961). Kebanyakan teori kurang menyentuh mengenai sebab yang menyebabkan seseorang mengamalkan tingkah laku moral dalam kehidupan seharian mereka. Walaupun amalan bertingkah laku moral disebabkan oleh perkara-perkara yang menjadi penyebab perbuatan tersebut (Lawreang, 2012). Dalam kajian lepas, kebanyakan kajian yang mengkaji tentang penyebab amalan bertingkah laku moral kerap dijalankan dalam

aspek tingkah laku menolong iaitu prososial (Carlo & Randall, 2002) dan kesukarelawan (Khoo & Engelhorn, 2008 & Surjit, 2004). Namun begitu, kurang kajian yang melihat kepada penyebab murid Melayu mempraktikkan amalan bertingkah laku moral berdasarkan kefahaman mereka masih belum dilaksanakan secara terperinci. Teori-teori juga kurang menjelaskan atau mengaitkan penyebab sesuatu amalan bertingkah laku moral diamalkan oleh individu.

Penyelidikan kualitatif yang lepas pula, kurang memberi perhatian dalam mengkaji fenomena amalan bertingkah laku moral kerana ianya suatu yang kompleks dan memerlukan lebih masa bagi pengkaji mendalami secara semulajadi (Beaumaris, 2010); melibatkan pelbagai ciri-ciri penilaian diri sendiri dan orang lain dalam mengambil tindakan moral (Markova, 1990); melibatkan pengalaman diri mengenai nilai (Bergman, 2002); budaya (Hall & Brosnan, 2016); sosiobudaya masyarakat (Graham, Meihdl, Beall, Johnson & Zhang, 2016); dan melibatkan pelbagai perkara (Rest, 1986). Oleh yang demikian, pengkaji sering mengabaikan kajian sebegini (Teper, Inzlicht & Page Gould, 2011). Melihat pada hakikat ini, maka keperluan dan kewajaran kajian tentang fenomena amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu dari aspek pemahaman, pembentukan dan sebab dilaksanakan akibat daripada wujudnya kelompongan daripada sorotan kajian-kajian lepas. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan kajian kes dengan mengambil kira kompleksiti (Robert, 2013) dan mempunyai ciri-ciri khas (Suyanto, 2009) amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu.

Justeru kajian ini, bertujuan untuk meneroka dan memahami fenomena amalan bertingkah laku moral murid Melayu dari sudut apa, bagaimana dan mengapa. Aspek ini dipilih untuk dikaji kerana pertama berdasarkan paradigma dalam kajian ini iaitu *naturalistik inquiry* tentang mengkaji satu fenomena (Lincon & Guba, 1985); kedua, untuk mendapat pemahaman yang mendalam (Cresswell, 2013); ketiga, persoalan tersebut perlu ada dalam kajian kes (Yin, 2011 & Merriam, 2001); keempat bagi memahami fenomena amalan bertingkah laku moral daripada perspektif murid itu sendiri (Beaumaris, 2010).

### 3HUVRDODQ.DMLDQ

Selaras dengan tujuan kajian ini untuk meneroka dan memahami amalan bertingkah laku moral murid Melayu Tingkatan Empat di sebuah sekolah di Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi merungkai tiga persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah pemahaman murid Melayu tentang amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian mereka?
2. Bagaimanakah murid Melayu membentuk amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian mereka?
3. Mengapakah murid Melayu mengamalkan amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian mereka?



.HSHQWLQJDQ.DMLDQ

Sorotan kajian terdahulu berkaitan amalan bertingkah laku moral didapati lebih menfokuskan amalan bertingkah laku moral dalam kalangan remaja di negara Barat yang mempunyai sosiobudaya yang berbeza dengan masyarakat Melayu. Di samping itu, dapatan kajian-kajian lepas juga didapati menekankan kepada perbincangan mengenai konsep amalan bertingkah laku moral kebanyakannya hanya tertumpu pada tingkah laku menolong dan kesukarelawan. Namun amalan bertingkah laku moral lebih luas daripada tingkah laku menolong dan kesukarelawan. Hal ini dilihat kurang selari dengan konsep amalan bertingkah laku moral yang tertentu sahaja yang didasari kepada konsep tingkah laku menolong dan kesukarelawan. Justeru, kajian ini dilihat dapat memberi sumbangan kepada badan pengetahuan mengenai pemahaman amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu yang masih kurang dijalankan di Malaysia. Secara lebih khusus, kajian ini mengayakan teori yang dapat menerangkan tentang amalan bertingkah laku moral secara lebih menyeluruh. Di samping itu, kajian ini dapat menghasilkan satu model yang dapat menerangkan tentang pemahaman amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu. Kajian ini juga dapat menambah pengetahuan mengenai amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu meliputi aspek pemahaman, pembentukan dan juga penyebab murid Melayu mengamalkan tingkah laku moral dalam kehidupan seharian mereka. Seterusnya, dapatan kajian ini dapat menyumbang ke arah pembangunan Pendidikan Nilai secara tidak formal dan formal tentang usaha memurnikan dan memperkembangan pembentukan amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu.

6NRS.DMLDQ

Kajian ini melibatkan lapan orang murid Melayu Tingkatan Empat yang terdiri daripada sebuah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kajian ini dijalankan bagi meneroka dan memahami amalan bertingkah laku moral murid Melayu dalam kehidupan seharian. Penerokaan ini merupakan usaha memahami tentang pemahaman amalan bertingkah laku moral murid Melayu yang merangkumi, pemahaman, pembentukan dan penyebab mereka mengamalkan amalan bertingkah laku moral.

Amalan bertingkah laku moral dalam kajian ini menumpukan kepada soal perilaku, perbuatan atau tingkah laku yang mengamalkan nilai-nilai baik dan patut secara konsisten dalam kehidupan seharian sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah. Oleh itu, kajian ini mengambil masa yang panjang untuk dilaksanakan kerana hubungan berpanjangan antara pengkaji dengan peserta kajian perlu diwujudkan dan melibatkan proses pengumpulan data yang mengambil masa hampir lebih daripada enam bulan. Dalam tempoh tersebut, pengkaji menemu bual peserta kajian secara semi berstruktur; pemerhatian tanpa turut serta di dalam kelas dan di luar kelas; dan penganalisisan dokumen melibatkan *self report* yang ditulis oleh peserta kajian berkaitan amalan bertingkah laku moral dan rekod sahsiah murid di sekolah.

%DWDVDQ.DMLDQ

Murid yang dipilih dalam kajian ini ialah murid Melayu Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kajian ini mengambil kira perspektif dan pengalaman berkaitan amalan bertingkah laku moral murid Melayu dalam kehidupan sebenar mereka. Pengkaji telah menggunakan penyelidikan kajian kes kualitatif iaitu satu kes satu tempat. Oleh itu, lokasi kajian juga terbatas kepada sebuah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Terdapat tiga andaian dan batasan yang mungkin memberi kesan ke atas kesimpulan yang dibuat dalam kajian ini. Andaian pertama ialah kajian ini mengandaikan bahawa amalan bertingkah laku moral yang ditunjukkan, diceritakan dan ditulis merupakan amalan sebenar yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka dan dikongsikan secara jujur. Andaian kedua ialah peserta kajian telah melakukan semakan ahli (*members checking*) yang tepat semasa menyemak salinan temu bual dan mengesahkan bahawa data yang digunakan bersesuaian dengan tema yang diinterpretasi bagi mewakili amalan bertingkah laku moral yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Andaian ketiga ialah pengalaman hidup peserta kajian memainkan peranan dalam proses penyelidikan kualitatif ini yang melibatkan meneliti maklumat, sudut pandangan, pendapat dan perasaan murid Melayu mengenai amalan bertingkah laku moral yang diamalkan dalam kehidupan seharian.

HILQLVL.RQVHSWØOGDQ2SHUDVLRQDO

Bagi memastikan perbincangan dalam kajian ini difahami secara lebih jelas, terdapat beberapa istilah penting yang perlu dihuraikan definisinya mengikut konteks kajian ini. Antara beberapa istilah penting tersebut adalah:

3HPDKDPDQ

Ungku Maimunah (2006) mendefinisikan pemahaman sebagai menerangkan, menghubungkan dan menentukan dinamika interaksi. Pemahaman dalam kajian ini merujuk kepada gambaran menerangkan dan menghubungkan kait perilaku yang berkaitan amalan bertingkah laku moral dalam kehidupan seharian. Pemahaman ini berlaku secara induktif dengan mengamati fenomena amalan bertingkah laku moral yang dinyatakan secara lisan dan bertulis, diperhatikan dan dipraktikkan oleh peserta kajian kemudian merumuskan kepada satu bentuk kerangka pemahaman mengenai amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu.

ØDODQ

Konsep amalan dalam bidang pendidikan merupakan pengaplikasian, pengubahsuaian dan penghayatan apa sahaja pengetahuan dan pengalaman yang telah difahami dan dikuasai oleh individu supaya menjadi sebahagian aktiviti harian mereka (Marzni, 2013). Selain itu, menurut Amir (2008), amalan dalam konteks pembelajaran merujuk

kepada tindakan seseorang yang mempunyai latar belakang pengalaman luas dan asas pengetahuan tertentu membuat keputusan dan kemudiannya mengubah tindakan berikut selepas mempertimbangkan iktibar daripada tindakan sebelumnya untuk dimanfaatkan dalam pembelajaran. Sehubungan itu, amalan dalam konteks kajian ini merujuk kepada soal pelakuan, tindakan dan perbuatan bertingkah laku moral yang dilakukan berdasarkan kefahaman dan penghayatan individu dengan menjadikan perbuatan tersebut sebagai aktiviti yang berterusan dalam kehidupan seharian.

#### 7LQJNDK/DNØRUDO

Menurut Wilson (1990), tingkah laku moral merupakan usaha untuk bertingkah laku secara moral bagi mewujudkan kesan yang baik kepada diri sendiri dan orang lain. Selain itu, tingkah laku moral juga didefinisikan sebagai segala yang dilakukan oleh seseorang individu berkaitan dengan peraturan moral secara konsisten dan iltizam (Abdul Rahman & Chang, 1994). Tingkah laku moral juga dikaitkan dengan usaha untuk menghasilkan sesuatu yang baik dan adil (Shulman, 2002). Menurut Nik Azis (2008) tingkah laku moral adalah apa yang sebenarnya dilakukan oleh manusia apabila mereka ingin dilihat sebagai orang yang baik. Sehubungan itu, istilah tingkah laku moral dalam kajian ini diertikan sebagai perilaku yang memperihalkan perbuatan mengamalkan nilai-nilai baik dan patut dalam kehidupan seharian untuk memberi kebaikan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

#### ØDODQ%HUWLQJNDK/DNØRUDO

Dalam kurikulum Pendidikan Moral (2004), amalan bertingkah laku moral diperihalkan sebagai perilaku yang mengamalkan nilai murni terhadap diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara. Seterusnya, Kurikulum Pendidikan Islam (2000) pula menakrifkan amalan bertingkah laku moral sebagai tingkah laku yang mengamalkan akhlak mulia, sifat-sifat yang terpuji dan menghindari sifat-sifat tercela terhadap perhubungan dengan Allah s.w.t, diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara. Amalan bertingkah laku moral dalam kajian ini didefinisikan sebagai cara memperihal serta menunjukkan perbuatan atau perilaku yang baik dan patut. Baik dan patut yang dianggap sebagai standard tingkah laku yang patut ditunjukkan dan dilakukan oleh individu yang rasional dalam kehidupan seharian untuk memberi kebaikan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Amalan bertingkah laku moral merujuk kepada fenomena yang dikaji mengenai perilaku murid mempraktikkan amalan bertingkah laku moral.

#### 0ØLG0HODØ

Merujuk kepada Perlembagaan Malaysia, perkara 160 (P-160) orang Melayu bermaksud seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu, mestilah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada hari Merdeka, ia adalah berdomisil (bermastautin pada zaman kemerdekaan) di



Persekutuan atau Singapura (Perlembagaan Persekutuan, 1988). Selain itu, menurut Hashim (2003) orang Melayu merupakan individu yang berbahasa Melayu, beragama Islam dan beradat resam serta berbudaya Melayu (halus budi bahasa dan pekerti, sentiasa bermuafakat dan mengutamakan kebajikan orang ramai, hormat dan khidmat terhadap orang tua dan tetamu, sederhana bukan ekstrimis dan tidak kasar). Istilah murid Melayu dalam kajian merujuk kepada individu berusia 16 tahun yang berbangsa Melayu, beragama Islam, mengamalkan adat Melayu dan bersekolah di sebuah menengah kebangsaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

5XXDQ%DE

Secara ringkasnya, dalam bab 1, pengkaji telah menerangkan secara terperinci mengenai keperluan untuk meneroka dan memahami fenomena berkaitan amalan bertingkah laku moral dalam kalangan murid Melayu Tingkatan Empat di sebuah sekolah di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Seterusnya, pengkaji telah menghuraikan keseluruhan berkaitan aspek-aspek pengenalan, latar belakang, latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian dan pengkaji telah memperincikan definisi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

- Abdul Aziz Ismail (2011). *Indahnya Akhlakmu kepada Allah*. Selangor: Pustaka Ilmuwan.
- Abdul Rahman Md Aroff (2014). *Value Education and the Malaysia Education Blueprint*. Journal of Interdisciplinary Research in Education (JIRE), Vol. 4, Issue 1, 2014, pp 59-73.
- Abdul Rahman Md. Aroff (2008). *Character Building and Education*. In Chang Lee Hoon, Noraini Mohd Salleh, Wan Hasmah Wan Mamat & Vishalache Balakrishnan. *Asia- Pasific Moral, Civic and Citizenship Education*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Abdul Rahman Md. Aroff (1999). *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rahman Md. Aroff. (1986). *Pengenalan Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Md. Aroff (1984). *Matlamat Pendidikan Moral: Suatu Penilaian Terhadap Matlamat Projek Pendidikan Moral di Malaysia*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan. Jilid 6, pp 52-60.
- Abdul Rahman Md. Aroff & Chang Lee Hoon (1994). *Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Abd Rahim Abd Majid (1993). *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abu Ahmad Yasin (2013). *Wasiat 4 Imam—Imam Bukhari, Iman Muslim, Imam Ghazali & Imam Syafie*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Ali Suradin & Eni Eryanti Yusoff (2005). *Penghayatan Nilai-nilai Murni ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar*. Prosiding Seminar Pendidikan JPPG, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Alwi, A. (2003). *Intrafamilial Relationship, Parental Behaviour and Religiosity in Youth Violence among Malay Males*. Unpublished MasterThesis. Gombak: International Islamic University Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib bin Ali (1980). *The Concept of Education in Islam: A Framework for An Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Al-Ghazali, M. (2012). *Mukhtasar Ihya Ulumidin Imam Al-Ghazali*. Terjemahan Ibnu Yasin. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Ghazali M. (1898). *Ihya 'Ulum Ad-din [Revival of the religious sciences]*. Vol 3. Cairo: al-Matba'a al-Azahariya.

- Al- Ghazali, M. (1982). *Ihya'Ulum Al- Din*. Beirut, Lebanon: Dar al-Fikr.
- Ali Suradin & Eni Eryanti (2005). Prosiding Seminar Pendidikan JPPG. *Penghayatan Nilai-nilai Murni Ke Arah Pembentukan Displin Pelajar*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- Alisjahbana, S.T. (1974). *Value as interpreting Forces in Personality, Society and Culture*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Al-Quran. Suruh Al-Imran. Ayat 104.
- Aini Hassan (1998). *Penggunaan Pelbagai Kaedah Mendapatkan Data Kualitatif Pengetahuan Guru*. Jurnal Pendidikan Jilid 19.
- Andreas, P. (2007). *Motivation, Moral judgement, and the Justication of Mortality*. Unpublished Doctoral Thesis. University Durham
- Aquino, K., & Reed, A. (2002). *The Self-importance of Moral Identity*. Journal of Personality and Social Psychology, 83, 1423–1440.
- Asmawati Suhid (2009). *Pendidikan khlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Asmawati Suhid, Rahil Mahyuddin & Abdul Rahman Md Aroff (2001). *Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Pendidikan Moral*. Kertas kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam Dunia Globalisasi. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Aswati Hamzah (2007). *Satu Kajian Skema Penaakulan Akhlak dalam kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Aquino, K., Freeman, D., Reed, A., Lim, V. K. G., & Felps, W. (2009). *Testing a Social-Cognitive Model of Moral Behavior: The Interactive Influence of Situations and Moral Identity Centrality*. Journal of Personality and Social Psychology, 97, 123-141.
- Alavi H.R. (2010). *Al-Ghazali on Moral Education*. Journal of Moral Education, 36 (3):309-319.
- Atkins, R., Hart, D., & Donnelly, T. (2005). *The Association of Childhood Personality Types with Volunteering During Adolescence*. Merrill-Palmer Quartely, 51 145-162.
- Azhar Ahmad (2005). *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri (2005). *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Laporan Penyelidikan. Konvensyen Penyelidikan. Sarawak: Maktab Perguruan Batu Lintang.

- Azizah Lebai Nordin (2002). *Masalah Disiplin di Kalangan Remaja Tingkatan Empat di Kuala Lumpur*. Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan. Universiti Malaya.
- Azian Tengku Syed Abdullah (1990). *Effects of Moral Dilemma Episodes on Moral Values and Academic Performance of Form One Students in Science Lessons*. M.Ed. Thesis, University of Malaya.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Za'aba Helmi Khamisan (2008). *Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan. Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Bandura, A. (1963). *The Role of Imitation in Personality*. The Journal of Nursery Education, 18 (3).
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hal.
- Bandura A., & Walters R. H. (1963). *Social Learning and Personality Development*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Batson, C. D., Bolen, M. H., Cross, J. A., & Neuringer-Benefiel, H. E. (1986). *Where is the Altruism in the Altruistic Personality?* J. Pers. Soc. Psychol. 50: 212– 220.
- Batson, C.D., Lishner, D. A., Carpenter, L A., Dulin, L., Harjusola-Webb, S., Stocks, E. L., Gale, S., Hassan, O., & Sampat, B. (2003). "As You Would Have Them do Unto You": Does Imagining Yourself in the Other's Place Stimulate Moral Action? *Personality and Social Psychology Bulletin*, 29, 1190-1201.
- Bainbridge, W. S. 1989. "The Religious Ecology of Deviance" *American Sociological Review* 54: 288–295.
- Batson, C. D., Chang, J., Orr, R., & Rowland, J. (2002). *Empathy, Attitudes, and Action: Can Feeling for a Member of a Stigmatized Group Motivate One to Help the Group?* *Personality and Social Psychology Bulletin*, 28, 1656-1666.
- Bergman, R., (2002). *Why Be Moral? A Conceptual Model from Developmental Psychology*. *Journal Human Development*. Karger.
- Bergman, R. (2004). *Identity as Motivation: Toward a Theory of the Moral Self*. In D.K Lapsley & D. Narvaez (Eds), *Moral Development, Self and Identity* (pp. 21-46) Mahwah, NJ Lawrence Erlbaum Associates.
- Beaumaris A. R. (2010). *Moral Judgement to Moral Action: Implications for Education*. Unpublished Doctoral Thesis. University of Newcastle.
- Beit-Hallahimi, B., & Argle, M. (1997). *The Psychology of Religious Behaviour, Belief and Experience*. London: Routledge.

- Benson, P. L., Donahue, M. J., & Erickson, J.A. (1989). *Adolescence and Religion: A Review of the Literature from 1970 to 1986*. In *Research in the Social Scientific Study of Religion: A Research Annual* Vol. 1, 153-81. Stamford, CT: JAI Press.
- Bentham, J.(1789). *An Introduction to The Principles of Morals and Legislation*. Oxford Clarendon Press.
- Blasi, A. (1980). *Bridging Moral Cognition and Moral Action: A Critical Review of the Literature*. *Psychological Bulletin*, 88, 1-45.
- Blasi, A. (1983). *Moral Cognition and Moral Action; A Theoretical Perspective*. *Development Review*, 3, 178-210.
- Blasi, A. (1984). *Moral Identity: Its Role in Moral Functioning*. In W.M. Kurtines & J.L. Gewirtz, *Morality, Moral Behavior and Moral Development* (pp. 129-139). New York, NY: Wiley.
- Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (2003). *Qualitative Research for Education*( 4<sup>th</sup> Ed.). Bostan: Allyn & Bacon.
- Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (2006). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods*. (5<sup>th</sup> Ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Bolt, M. (1982). *Religious Orientation, Belief in a Just World, and Prosocial Behavior*. Conference of the American Psychological Association, Toronto.
- Brooks, A. C. (2006). *Who really cares: The Surprising Truth About Compassionate Conservatism*. New York: Basic Books.
- Brown, B. B., Bakken, J. P., Ameringer, S. W., & Mahon, M. D. (2008). *A Comprehensive Conceptualization of the Peer Influence Process in Adolescence*. In M. J. Prinstein and K. A. Dodge (Eds.) *Understanding Peer Influence in Children and Adolescents*. Duke Series in Child Development and Public Policy. New York: Guildford Publications.
- Bryman, A., & Bell, E. (2003). *Business Research Method*. London: Oxford University Press.
- Bull, N.J. (1969). *Moral Education*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Burn, R. B. (1995). *Introduction to Research Methods*. Melbourne:Longman.
- Bussel, H., & Forbes, F. (2002). *Understanding The Volunteer Market:The What, Where, Who and Why of Volunteering*. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 7(3), 244-257.
- Carlo, G., Fabes, R.A., Laible, D., & Kupanoff, K. (1999). *Early Adolescence and Prosocial/Moral Behavior II: The Role of Social and Contextual Influence*. *Journal of Early Adolescence*, Vol. 19 No. 2, May 1999 133-147. Sage Publications, Inc.



- Carlo, G., Knight, G. P., Eisenberg, N., & Rotenberg, K. J. (1991). *Cognitive Processes and Prosocial Behaviors among Children: The Role of Affective Attributions and Reconciliations*. *Dev. Psychol.* 27: 456-461.
- Carlo, G., & Randall, B.A. (2002). *The Development of a Measure of Prosocial Behaviors for Late Adolescents*. *Journal of Youth and Adolescence*, pp. 31-44.
- Carlo, G., Mestre, M.V., McGinley M., Tur-Porcar A., Samper, P. & Streit C. (2013). *The Structure and Correlates of a Measure of Prosocial Moral Reasoning in Adolescents from Spain*. *European Journal Of Development Psychology*. Routledge Publications.
- Che Su Mustaffa & Rasilah Mohd Rosdi (2005). *Budaya Masyarakat Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education* (6<sup>th</sup> Ed.). London:Routledge.
- Colby, A., & Damon, W. (1992). *Some Do Care: Contemporary Lives of Moral Commitment*. New York: Free Press.
- Colby, A., & Kohlberg, L. (1987). *The Measurement of Moral Judgment, Vol. 1: Theoretical Foundations and Research Validation*. Cambridge University Press, Cambridge.
- Clary, E. G., Snyder, M., Ridge, R. D., Copeland, J., Stukas, A. A., & Haugen, J. (1998). *Understanding and Assessing the Motivations of Volunteers: A Functional Approach*. *Journal of Personality and Social Psychology*,74, 1516–1530.
- Chang Lee Hoon (2008). *Educating Teachers for Moral Education in Malaysia*. In Chang Lee Hoon, Noraini Mohd Salleh, Wan Hasmah Wan Mamat & Vishalache Balakrishnan. *Asia- Pasific Moral, Civic and Citizenship Education*. Kuala Lumpur:University of Malaya.
- Chang Lee Hoon (2002). *Perkembangan domain moral dalam pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial*. Kertas pembentangan Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial. Kuala Lumpur: Universiti Malaya pada 19 Januari 2002.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpr: Mc Graw Hill Education.
- Chuah, T. I. (1989). *Attitudes Towards Environmental Issues in The Context of Moral Development of Standard Six Pupils*. Unpublished Master Thesis. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Cutcliffe, J.R., & McKenna, H.P. (2002). *Expert Qualitative Researchers and the Use of Audit Trails*. *Journal of Advanced Nursing* 45 (2), hlm 124-130.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education* (5<sup>th</sup> Ed.). London: Routledge Falmer.

- Creswell J.W. (2009). *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J.W. (2012). *Education Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4<sup>th</sup> Ed.). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J.W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing among Five Approaches* (3<sup>rd</sup> Ed.). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Crotty, M. (1998). *The Foundations of Social Research; Meaning and Perspective in The Research Process*. London: Sage Publications.
- Davis, M.A., Mitchell, K. V., Hall, J.A., Lothert, J., Snapp, T., & Meyer, M. (1999). *Empathy, Expectations and Situational Preferences: Personality Influence on the Decision to Volunteer Helping Behaviors*. *Journal of Personality* 67, 469-503.
- De Guzman, M. R. T., & Carlo, G. (2004). *Family, Peer, and Acculturative Correlates of Prosocial Development among Latino Youth in Nebraska*. *Great Plains Research*, 14, 185-202.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1991). *A Motivational Approach to Self: Integration in Personality*. In Dienstbier, R. (Ed.), *Nebraska Symposium on Motivation: Perspectives on Motivation, Vol. 38* (pp. 237-288). Lincoln, NE: University of Nebraska Press.
- Dedi Firmansyah, A. R. (2007). *Bercerita Melegitkan Kecerdasan Imajinatif Anak*. Diakses dari <http://www.mediaindonesia.com/resensi/details.asp?id=550> pada 12 November 2014.
- Duff, P.A. (2002). *Narrative Inquiry: More Than Just Telling Stories* by Bell, J.S. *Tesol Quarterly*, 36(2): 207-218.
- Durkheim, E. (1961). *Moral Education: A Study in The Theory and Application of Theory*. New York:Free Press.
- Donahue, M. J., & Peter L. Benson. (1995). *Religion and the Well-Being of Adolescents*. *Journal of Social Issues* 51:145-60.
- Eisenberg, N., & Mussen P, H. (1989). *The Roots of Prosocial Behavior in Children* Cambridge University Press.
- Eisenberg, N., & Fabes, R. A. (1998). *Prosocial Development*. In Damon W. (Series ed.) and Eisenberg, N. (Vol. ed.), *Handbook of Child Psychology, Vol. 3: Social, Emotional, and Personality Development* (5<sup>th</sup> Ed.). Wiley, New York, pp. 701-778.
- Eisenberg, N., Cameron, E., Tryon, K., & Dodez, R. (1981). *Socialization of Prosocial Behavior in the Preschool Classroom*. *Dev. Psychol.* 71: 773-782.

- Eisenberg, N., Carlo, G., Murphy, B., & Van Court, P. (1995). *Prosocial Development in Late Adolescence: A Longitudinal Study*. *Child Dev.* 66: 1179–1197.
- Ellis, L. (1985). *Religiosity Criminality: Evidence and Explanations of Complex Relationships*. *Sociological Perspectives*, 28, 501–520.
- Erikson, E. H. (1959). *Identity and the Life Cycle*. New York: International Universities Press. Psychological Issues Vol. 1, No. 1.
- Erikson, E. (1968). *Identity, Youth and Crisis*. New York, NY: Norton.
- Erickson, J.A. (1992). *Adolescent Religious Development and Commitment: A Structural Equation Model of the Role of Family, Peer Groups, and Educational Influences*. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 31, 131-152.
- Falikowski, A. (1990). *Moral Philosophy*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall Publication.
- Fabes, R. A., Carlo, G., Kupanoff, K., & Laible, D. (1999). *Early Adolescence and Prosocial/Moral Behavior I: The Role of Individual Processes*. *Journal of Early Adolescence*, 19, 5-16.
- Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2006). *Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak Muslim Sebagai Pemangkin Pembangunan Insan dan Tamadun*. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 17.
- Ferguson T.J., Stegge, H., & Damhuis, I. (1991). *Children's Understanding of Guilt and Shame*. *Child Dev.* 62:827-839.
- Floribertus, S. (2010). *Naratif Eksperiensial Alternatif Internalisasi Nilai*. Diakses dari <http://www.bruderfic.or.id/h-252/naratif-eksperiensial-alternatif-internalisasi-nilai.html> pada 12 November 2014.
- Francis, L.J., & Mullen, K. (1993). *Religiosity and Attitudes towards Drug Use among 13-15 Year Olds in England*. 665-672.
- Frimer, J. A., & Walker, L. J. (2008). *Towards a New Paradigm of Moral Personhood*. *Journal of Moral Education*, 37, 333-356.
- Gay, L.R., Mills, G.E., & Airasian, P. (2006). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. Prentice Hall. New Jersey.
- Garrison, R. (2000). *Theoretical Challenges for Distance Education in the 21st Century: A Shift from Structural to Transactional Issues*. *International Review of Research in Open and Distance Learning*. 1(1), June 1-17.
- Gibbs, G.R (2007). *Analyzing Qualitative Data*. London: Sage Publications, Inc.
- Gilligan, C. (1982). *In a Different Voice: Psychological Theory and Women's Development*. Cambridge, MA: Harvard University Press.



- Gilligan, C., Ward, J. & Taylor, J. (Eds.). (1988). *Mapping the Moral Domain: A Contribution of Women's Thinking to Psychological Theory and Education*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Given, L. M. (2008). *The Sage Encyclopedia of Qualitative Research Methods Volume 1&2*. California: Sage Publications Inc.
- Glesne, C. (2011). *Becoming Qualitative Researchers: An Introduction* (4<sup>th</sup> Ed.), Boston: Pearson Education.
- Glesne, C. (2006). *Becoming Qualitative Researchers: An Introduction* (3<sup>rd</sup> Ed.), Boston: Pearson Education.
- Goldsen, R.K., Rosenberg, M., Williams, R.M., & Suchman, E.A. (1960). *What College Students Think*. Princeton, NJ: Van Nostrand.
- Graham, J., Meihdl, P., Beall, E., Johnson, K.M & Zhang, L. (2016). *Cultural Differences in Moral Judgment and Behavior, Across and within Societies*. *Journal of Current Opinion in Psychology*. Vol 8.
- Gronbjerg, K. A., & Never, B. (2004). *The Role of Religious Networks and other Factors in Types of Volunteer Work Nonprofit Management and Leadership*, 14, 263–289.
- Gu, J., (2011). *Toward a General Model of Moral Regulation: How Fluctuations in General Integrity Influence Moral Behavior*. Unpublished Doctoral Thesis. University of Toronto.
- Guba E.G. (1990). *The Alternative Paradigma Dialog*. In E.G Guba (Ed.). *The Paradigma Dialog* (pp.17-30). Newbury Park, CA; Sage.
- Guttman, J. (1984). *Cognitive Morality and Cheating Behaviour in Religious and Secular School Children*. *Journal of Educational Research*, 77, 249–254.
- Hall . K & Brosnan, S.F (2016). *A Comparative Perspective on the Evolution of Moral Behavior*. In Shackelford, T.K & Hansen, R.D. *The Evaluation of Morality*. Switzerland: Springer International Publishing.
- Halim Al-Majidi (2013). *Keindahan Akhlak Rasulullah*. Selangor: Pustaka Ilmuwan.
- Haidt., J. (2003). *The Moral Emotions*. In Davidson., R. J, Scherer., K. R. & Goldsmith H. H. (Eds.). *Handbook of Affective Sciences* (pp. 852-870). Oxford: Oxford University Press.
- Haron Din (2003). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Academe Art & Pinting Services Sdn. Bhd.
- Harian Metro (2010). *1.27 Peratus Pelajar Sekolah Terbabit Kes Disiplin*. 09 November 2010.

- Harris, S. (2010). *The Moral Landscap: How Science Can Determine Human Value*. New York: Free Press.
